



Pola dan Potensi Penerbitan Berbahasa Melayu dalam Indeks Scopus

Malay Article Publication Patterns and Potential in Scopus Indexed Journals

Zamimah Osman

zamimah@uum.edu.my

Nuraini Yusoff

nuraini@uum.edu.my

Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah, Malaysia

Received: 16 August 2020; Accepted: 02 December 2020; Published: 11 December 2020

To cite this article (APA): Osman, Z., & Yusoff, N. (2020). Pola dan potensi penerbitan Berbahasa Melayu dalam indeks Scopus. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(2), 85-96. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.2.7.2020>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.2.7.2020>

ABSTRAK

Sistem penerbitan moden yang menyediakan perkhidmatan indeks makalah penyelidikan dalam pangkalan data Scopus pada dasarnya memberi cabaran besar kepada perkembangan bahasa Melayu. Dengan adanya sistem ini, penerbitan jurnal yang diindeks Scopus semakin didominasi oleh makalah berbahasa Inggeris. Kajian bibliometrik ini dijalankan untuk menganalisis pola penerbitan makalah berbahasa Melayu dalam Scopus bagi tempoh lima tahun, (2013-2018) dan mengenal pasti potensi penerbitan makalah berbahasa Melayu dalam Scopus melalui jumlah petikan sitasi dan H-Indeks. Data dimuat turun daripada pangkalan data indeks Scopus menggunakan carian bahasa (Malay Language). Kajian bibliometrik ini menggunakan keputusan analisis yang dipaparkan dalam laman sesawang Scopus. Dapatan memperlihatkan dalam tempoh lima tahun, penerbitan makalah berbahasa Melayu dalam jurnal yang diindeks Scopus menunjukkan peningkatan dari aspek bilangan penerbitan, iaitu 803 makalah berbanding jumlah keseluruhan makalah, iaitu 1063 makalah. Manakala analisis prestasi IPT di Malaysia memperlihatkan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) merupakan antara IPT yang terlibat aktif dalam usaha menggalakkan penerbitan makalah berbahasa Melayu, iaitu sebanyak 503 makalah telah diterbitkan dan diindeks Scopus berbanding dengan IPT lain di negara ini. Selain itu, kajian ini juga membuktikan bahawa penerbitan makalah berbahasa Melayu dalam Scopus mencakupi semua disiplin ilmu dan tidak terhad kepada bidang sains sosial semata-mata tetapi merentasi juga bidang sains dan teknologi. Analisis prestasi penerbitan juga menunjukkan potensi penerbitan makalah berbahasa Melayu yang memberangsangkan melalui peningkatan jumlah petikan sitasi dan H-Indeks dalam tempoh lima tahun tersebut. Kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran sebenar tentang penerbitan makalah berbahasa Melayu dalam Scopus dan dapat membina kesedaran dari pihak penerbit dan penulis untuk meningkatkan penerbitan makalah berbahasa Melayu agar bahasa Melayu dapat berada di persada antarabangsa setanding dengan penerbitan dalam lain-lain bahasa terutamanya bahasa Inggeris.

Kata Kunci: Bahasa Melayu, Bibliometrik, Penerbitan Ilmiah, Scopus.

ABSTRACT

Rapid advances in the field of information technology and libraries have created a modern publishing system that provides index papers research services in the Scopus database. This modern publishing system, in essence, challenges the development of the Malay language. With the advent of this system, the publication of papers in the journal indexed by Scopus is increasingly dominated by English-language papers. This bibliometric study was conducted to analyze the pattern of publication of Malay papers in Scopus for a period of five years, (2013-2018) and to identify the potential publication of Malay papers in Scopus by volume of citations and H-Index. The data is downloaded from the Scopus index database using language search (Malay Language). This bibliometric study uses the results of the analysis presented on the Scopus website. The results showed in the





last five years the publication of Malay-language papers in the journals indexed by Scopus showed an increase in terms of number of publications, 803 compared to the total number of 1063. While the analysis shows the performance of higher education institutions in Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) is among the institutions that are actively involved in promoting the Malay-language publication papers, totaling 503 papers have been published and indexed by Scopus compared with other universities in the country. In addition, this study also proves that Malay-language publication papers in the Scopus embraces all disciplines and is not limited to the social sciences but also across the fields of science and technology. The analysis also shows potential performance issue papers publishing Malay favorable by increasing the number of citations and h-index in the past five years. . It is hoped that this study will provide a real picture of the publication of the Malay language papers in Scopus and will build awareness among publishers and authors to enhance the publication of the Malay language papers so that the Malay language can be found internationally in comparison with other languages especially

Keywords: Malay Language, bibliometric, scholar publication, Scopus.

PENGENALAN

Kebanyakan institusi pengajian tinggi di seluruh dunia terlibat dengan sistem penarafan dan penaraan universiti bertaraf dunia kerana dipercayai mewakili kecemerlangan akademik dan reputasi institusi (Hou & Jacob, 2017). Sistem penarafan dan penaraan universiti bukan sahaja dimanfaatkan oleh bakal pelajar dan keluarga mereka untuk memilih universiti (Altbach, 2012), malah mempengaruhi tenaga akademik, pentadbir, alumni dan pelajar di luar negeri (Bastedo & Bowman, 2011). Pihak kerajaan juga dalam proses penggubalan polisi dan membuat keputusan berkaitan pendidikan tinggi dengan merujuk sistem penarafan dan penaraan universiti (Hazelkorn, 2014). Sistem penarafan dan penaraan ini muncul hasil daripada perkembangan pesat dalam bidang teknologi maklumat yang memberi dampak terhadap bidang kepustakaan dengan wujudnya pelbagai perkhidmatan pangkalan data indeks. Perkhidmatan data indeks ini bukan sahaja menjadi wahana komunikasi ilmiah dalam kalangan sarjana di seluruh dunia, malah turut merancakkan industri penerbitan.

Sistem penarafan dan penaraan universiti bertaraf dunia oleh *World Universiti Ranking* (WUR), sebagai contoh menggunakan pangkalan data Scopus sebagai satu daripada indikator untuk membekalkan maklumat bibliometrik tentang prestasi penerbitan di pelbagai institusi pendidikan. Perkara ini menyebabkan kebanyakan institusi pendidikan di seluruh dunia memfokus kepada penerbitan makalah dalam jurnal yang diindeks oleh Scopus. Di Malaysia misalnya, pelbagai langkah telah dilakukan oleh pihak Kementerian Pendidikan untuk memastikan makalah yang dihasilkan oleh penyelidik dapat diterbitkan dalam jurnal berindeks Scopus. Antaranya dengan merangka Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) (Jabatan Pengajian Tinggi, 2014), memperkenalkan Sistem Penarafan IPTA (SETARA) dan Sistem Penilaian Universiti Penyelidikan (MYRA) (Mazmin Mat Akhir *et al.*, 2010) dan mewujudkan skim ganjaran dan kenaikan pangkat kepada ahli akademik yang berjaya menerbitkan dalam jurnal yang diindeks dalam Scopus (Roosfa Hashim, 2010).

Situasi yang berlaku ini secara tidak langsung dilihat turut mempengaruhi perkembangan penerbitan makalah berbahasa Melayu dalam jurnal yang diindeks oleh pangkalan data indeks antarabangsa. Kemunculan perkhidmatan pangkalan data indeks yang diasaskan oleh Barat ini telah menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama komunikasi ilmiah dalam kalangan sarjana di seluruh dunia. Tambahan pula dengan sistem penarafan dan penaraan universiti bertaraf dunia yang menggunakan pangkalan data Scopus turut melebarkan lagi cabaran terhadap perkembangan bahasa Melayu dalam industri penerbitan ilmiah. Walau bagaimanapun, kepesatan dan bidang ilmu dan teknologi ini juga turut membolehkan bahasa Melayu itu disesuaikan dengan keperluan pengguna bahasa itu sendiri (Abdullah & Mohd Ra'in, 2011). Oleh itu, perubahan persekitaran ini turut menimbulkan persoalan tentang status penerbitan makalah berbahasa Melayu dalam jurnal berindeks Scopus. Bagi menjawab persoalan ini, sebaiknya ditelusuri terlebih dahulu sejarah penerbitan ilmiah di negara ini.



PENERBITAN JURNAL ILMIAH DI MALAYSIA

Sejarah penerbitan jurnal ilmiah di Malaysia bermula seawal tahun 1847, iaitu melalui penerbitan *Journal of the Indian Archipelago and Eastern India*. Jurnal ini mempromosikan kembara dan penulisan saintifik. Sebanyak 13 jilid jurnal telah diterbitkan sejak dari tahun 1847 sehingga tahun 1863. Jurnal ini lebih dikenali sebagai “the Journal” kerana penerbitannya dikendalikan sendiri oleh James Richardson Logan (1819-1869), seorang editor yang pernah berkhidmat dengan *The Pinang Gazette* dan juga merupakan seorang peguam yang pernah berkhidmat di Negeri Selat, iaitu Singapura (Tiew, 1998; 1999). Selain Logan, penyumbang utama termasuklah John Crawford, Robert Little, Windsor Earle, Thomas Braddell, John Thomson dan Colonel Low (Yeong & Tan, 2009). Semenjak dari itu, penerbitan jurnal terus berkembang di negara ini sehingga ke hari ini. Antara faktor yang menyumbang kepada pertumbuhan pesat penerbitan jurnal ilmiah di negara ini ialah pertambahan institusi pengajian tinggi, perkembangan dalam bidang penyelidikan dan persatuan profesional dan penerbitan jurnal melalui perkhidmatan indeks dan abstrak (Md Sidin Ahmad Ishak, 1997; Arndt, 2008; Abu Bakar Maidin, Shahrudin Shafri, & Shamsudin Ibrahim, 2009; Zainab Awang Ngah, 1997; Roosfa Hashim, 2010, Zamimah, 2015).

Jika ditinjau dari sudut sejarah pembangunan penerbitan jurnal ilmiah, Roosfa Hashim (2010) melihat pembangunan penerbitan jurnal ilmiah di negara ini berlaku dalam tiga fasa pembangunan, iaitu fasa penerbitan menggunakan mesin cetak, fasa penerbitan elektronik dan fasa pengantarabangsaan. Fasa pertama, iaitu fasa penerbitan jurnal dengan menggunakan mesin cetak. Sebelum tahun 1957, penerbitan jurnal ilmiah secara bercetak diusahakan oleh orang perseorangan. Namun, selepas tahun 1957 penerbitan jurnal ilmiah di negara ini mula diterajui oleh persatuan pertubuhan keserjanaan, kemudian diikuti oleh beberapa jabatan dan fakulti pada peringkat universiti. Penerbitan jurnal ilmiah secara bercetak ini didapati semakin meningkat pada tahun 80-an dan 90-an. Antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan jumlah penerbitan jurnal bercetak ini adalah disebabkan oleh kemunculan lebih banyak di institusi pengajian tinggi awam dan pelbagai pusat penyelidikan di negara ini.

Selanjutnya fasa kedua, iaitu fasa penerbitan jurnal secara elektronik. Dalam fasa ini, jurnal ilmiah dalam bentuk elektronik mula dibangunkan dan Fakulti Sains Komputer dan Sains Maklumat, Universiti Malaya menjadi perintis kepada penerbitan jurnal elektronik ini. Dua buah jurnal yang diterbitkan dalam bentuk elektronik, iaitu *Malaysian Journal of Computer Science* dan *Malaysian Journal of Library & Information Science*. Penerbitan jurnal elektronik di negara ini, walau bagaimanapun memperlihatkan perkembangan yang agak perlahan jika dibandingkan jumlah keseluruhan pertumbuhan jurnal elektronik di seluruh dunia (Roosfa Hashim, 2010). Sehingga tahun 2007 hanya terdapat sejumlah 45 judul jurnal ilmiah yang diterbitkan di Malaysia dalam bentuk elektronik.

Pada fasa ketiga, iaitu fasa pengantarabangsaan penerbitan jurnal ilmiah. Fasa pengantarabangsaan ini berlaku rentetan daripada perkembangan yang berlaku dalam bidang sains perpustakaan dan kemajuan dalam bidang teknologi maklumat. Seiring dengan itu, muncul sistem penerbitan moden dan penyelidikan saintifik yang menawarkan perkhidmatan pangkalan data indeks dan abstrak yang turut menyenaraikan penerbitan makalah penyelidikan dan jurnal ilmiah. Penyenaraian dalam perkhidmatan indeks dan abstrak ini menuntut setiap jurnal yang ingin disenaraikan dalam pangkalan data indeks tertentu menampilkan beberapa ciri yang ditetapkan, termasuklah sidang editor antarabangsa, pemakalah antarabangsa, penerbitan mengikut jadual, pengkhususan bidang jurnal serta beberapa sifat lain (Roosfa Hashim & Salmah Zainal Abidin, 2009).

Sistem penerbitan moden ini mewujudkan pelbagai perkhidmatan pangkalan data indeks dan abstrak yang digunakan untuk mengukur mutu dan pencapaian makalah yang diterbitkan dalam jurnal ilmiah pelbagai bidang ilmu. Antaranya, pangkalan data Scopus, Web of Science (WoS) dahulunya dikenali sebagai Institute for Scientific Information (ISI), yang didalamnya mengandungi Web of Science Citation Index (SCI) dan Web of Social Science Citation Index (SSCI), EBSCOHOST,

Science Direct, Springer Link, Dialog, OCLC, MEDELIN dan sebagainya (Coe & Weinstock (1984); Extejt & Smith (1990); Frankel & Edlunt (1990); Harter (1996); Sharplin & Mabry (1985); dan Stahl, Leap & Wei (1988).

PANGKALAN DATA INDEKS SCOPUS

Scopus mengindeks jurnal saintifik dalam pelbagai disiplin ilmu dan terdapat sekitar 33 juta data penerbitan telah direkodkan ke dalam Scopus yang dikerjakan seawal tahun 1996. Sehingga Januari 2018, Scopus telah mengindeks sejumlah 22,800 jurnal, meliputi 5,200 judul jurnal ilmiah capaian terbuka (*open access*). Pangkalan data Scopus turut menyediakan maklumat bibliometrik tentang produktiviti oleh pengarang, institusi mengikut negara dalam sesuatu bidang atau disiplin ilmu, dan maklumat petikan indeks atau *citation*, iaitu sekerap mana sesebuah jurnal itu dirujuk dan dipetik oleh pemakalah lain (Zainab Awang Ngah, 2008).

Pada tahun 2007, pangkalan data indeks dan abstrak Scopus telah dipilih oleh Quacquarelli Symonds (QS) Top Universiti, iaitu sebuah organisasi yang dipertanggungjawabkan oleh World University Ranking (WUR) untuk menyediakan penarafan terkemuka di dunia untuk diterbitkan dalam Times Higher Education Supplement (THES). Pemilihan pangkalan data Scopus ini telah menjadikan pangkalan data tersebut terkenal dalam kalangan institusi pengajian tinggi di seluruh dunia termasuk Malaysia (Abu Bakar *et al.*, 2009). Oleh itu, pelbagai langkah telah dirancang oleh pihak kerajaan dan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di negara ini untuk memastikan makalah penyelidikan yang ditulis oleh para sarjana dapat diterbitkan ke dalam jurnal yang diindeks oleh SCOPUS. Antaranya termasuklah usaha pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) merangka Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang bertujuan mengenal pasti keperluan untuk memperkasa dan menaik taraf jurnal akademik tempatan supaya setanding dengan jurnal antarabangsa (Jabatan Pengajian Tinggi, 2014), menjalankan penarakan dan penarafan universiti di Malaysia menggunakan Sistem Penarafan IPTA (SETARA) dan Sistem Penilaian Universiti Penyelidikan (MYRA) (Mazmin Mat Akhir *et al.*, 2010) dan mewujudkan skim ganjaran tertentu dan kenaikan pangkat kepada ahli akademik yang berjaya menerbitkan penulisan makalah dalam jurnal yang diindeks dalam Scopus mahupun Thomson Reuters (Roosfa Hashim, 2010).

Selain Scopus, terdapat pangkalan data yang lebih awal digunakan oleh QS World University Ranking dalam menyediakan penarafan universiti bertaraf dunia, iaitu Thomson Reuters yang sebelumnya dikenali sebagai Institute for Scientific Information (ISI). Pangkalan data Thomson Reuters diterbitkan oleh sebuah badan penerbitan, iaitu Thomson Reuters di Amerika Syarikat. Bagaimanapun, liputan penerbitan yang diindeks oleh Thomson Reuters lebih memfokus kepada penerbitan dari Barat, terutamanya dari Amerika Syarikat dan memberi keutamaan kepada penerbitan yang diterbitkan dalam bahasa Inggeris (Bontis & Serenko, 2009). Nisonger (2004) melaporkan bahawa Web of Science (WoS), iaitu laman sesawang yang diterbitkan oleh Thomson Reuters hanya mengindeks 20 peratus jurnal dari luar Amerika Syarikat, dan dua peratus jurnal yang diterbitkan dalam bahasa selain daripada bahasa Inggeris.

Jika dibandingkan dengan Thomson Reuters, liputan penerbitan yang diindeks oleh Scopus didapati lebih bersifat antarabangsa. Scopus bukan sekadar mengindeks penerbitan dari Barat, malah turut mengindeks penerbitan dari negara-negara di Asia (Koh, 2014; Huang, 2011; Roosfa Hashim, 2010; Sowter, 2007). Di samping itu, Scopus juga lebih banyak mengindeks hasil penerbitan dalam bahasa lain jika dibandingkan dengan Thomson Reuters (Bontis & Serenko, 2009; Roosfa Hashim & Salmah Zainal, 2009). Liputan indeks penerbitan yang lebih luas ini memberi kelebihan kepada pangkalan data Scopus, sehingga pangkalan data ini telah dipilih oleh QS World University Ranking sebagai pangkalan data yang membekalkan maklumat bibliometrik penerbitan dalam menyediakan laporan penarafan universiti terkemuka di dunia menggantikan pangkalan data Thomson Reuters (ISI) (Koh, 2014; Huang, 2011; Sowter, 2007).

Memandangkan kelebihan yang dimiliki oleh pangkalan data Scopus dan kesungguhan pihak kerajaan dan institusi pengajian tinggi di negara ini untuk menyenaraikan hasil penyelidikan para sarjana ke dalam jurnal yang diindeks oleh Scopus, maka makalah yang diterbitkan dalam jurnal yang diindeks oleh Scopus mempunyai nilai ilmiah yang tinggi untuk diteliti. Oleh itu, makalah ini akan membincangkan berkenaan penerbitan makalah berbahasa Melayu dalam Scopus dari sudut kajian bibliometrik.

Istilah '*bibliometrics*' mula diperkenalkan oleh Pritchard (1969) sebagai aplikasi kaedah matematik dan statistik untuk buku dan lain-lain media komunikasi. Pada tahun yang sama Nalimov dan Mulchenko (1969) juga memperkenalkan istilah '*scientometrics*' yang mendefinisikan ilmu pengetahuan sebagai aplikasikuantitatif yang berkaitan dengan analisis sains sebagai proses maklumat. Terdapat perbezaan dari segi fokus bibliometrik dengan saintometrik, iaitu bibliometrik direka untuk menangani lebih banyak proses maklumat umum seperti buku, artikel dan bahan-bahan lain, manakala saintometrik pula meneliti ilmu pengetahuan terhadap kepada pengukuran komunikasi sains manakala.

Mengikut *The British Standard Institution*, kaedah bibliometrik didefinisikan sebagai penetapan metode matematik dan statistik melalui penggunaan dokumen dan pola sesuatu penerbitan (Sulistyo Basuki, 2002). Manakala objek utama kajian bibliometrik adalah bahan penerbitan yang telah diterbitkan hasil penyelidikan dalam jurnal ilmiah (Khadher Ahmad, 2016). Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa kaedah analisis bibliometrik ini bertujuan memperlihatkan sifat dan arah pengembangan sesuatu penerbitan melalui pendekatan analisis dan deskriptif tentang sesuatu produk penerbitan. Makalah ini cenderung untuk menggunakan kaedah bibliometrik yang mencakupi carian penerbitan makalah ilmiah berbahasa Melayu yang diterbitkan dalam pangkalan data Scopus.

PENYATAAN MASALAH

Di Malaysia terdapat banyak kajian telah dijalankan menggunakan kaedah bibliometrik. Kajian ini dijalankan dengan melihat daripada pelbagai perspektif. Misalnya, kajian yang menilai prestasi penerbitan ilmiah bidang Pengajian Islam dalam pangkalan data indeks Scopus oleh Norazian Sharuddin, Md. Razib Karno, dan Yahya Buntat (2016), analisis hasil penerbitan penyelidikan berkaitan dengan 'delima' oleh Khadher Ahmad et al. (2016), perkembangan penerbitan dalam bidang Pengurusan (Fun Jia & Yan Jiang, 2018), trend penerbitan *Journal of Tropical Agricultural and Food Science* yang diterbitkan oleh MARDI (Rosiah Hamzah, 2011), kajian tentang sitasi penerbitan makalah berkaitan sukan orang kurang upaya (OKU) oleh Selina, Chunxiao, Payam (2018) dan analisis penerbitan berkaitan pembelajaran mudah alih sehingga tahun 2015 dalam pangkalan data Web of Science (WOS) oleh Elaish, et al. (2019).

Walaupun terdapat banyak kajian bibliometrik yang telah dijalankan, namun kajian bibliometrik yang meneliti pola dan prestasi penerbitan makalah berbahasa Melayu dalam pangkalan data indeks Scopus masih terbatas dan belum pernah dibincangkan oleh mana-mana sarjana. Sehingga penelitian ini dijalankan, kebanyakan kajian bibliometrik ini menilai prestasi penerbitan mengikut bidang ilmu atau pangkalan data indeks tertentu seperti Scopus dan Web of Science (WoS). Analisis prestasi penerbitan dalam pangkalan data Scopus sehingga pencarian ini dijalankan hanya tertumpu kepada bidang Pengajian Islam, manakala analisis prestasi penerbitan makalah berbahasa Melayu dalam Pangkalan data Scopus masih belum dibincangkan secara mendalam. Analisis prestasi penerbitan Bahasa Melayu dalam Scopus ini dirasakan penting kerana bahasa bukan hanya berfungsi sebagai alat komunikasi semata-mata malahan bahasa juga menggambarkan budaya hidup sesebuah masyarakat, lebih tinggi taraf kebahasaan, maka lebih tinggi nilai kebudayaan masyarakat tersebut (Mohd Zubir, 2011). Sehubungan dengan itu, makalah ini menggunakan pendekatan analisis bibliometrik untuk membincangkan berkenaan pola penerbitan, petikan sitasi dan H-indeks makalah berbahasa Melayu yang diindeks Scopus.



OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis;

- pola penerbitan makalah berbahasa Melayu dalam jurnal yang diindeks oleh Scopus untuk jangka masa 2013-2018.
- prestasi penerbitan makalah berbahasa Melayu berdasarkan indikator petikan sitasi dan H-indeks dalam Scopus.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah analisis bibliometrik. Menurut Hertzal, 2003, kaedah analisis bibliometrik tidak terhad dalam bidang sains perpustakaan dan sains maklumat sahaja malahan kaedah analisis ini digunakan secara meluas untuk mengukur petikan sitasi (citation) dan analisis kandungan penerbitan. Oleh itu, kajian ini menggunakan kaedah analisis bibliometrik, untuk menganalisis dan mengukur maklumat tentang penerbitan makalah berbahasa Melayu dalam Scopus. Kaedah pencarian data dijalankan dengan menggunakan pangkalan data Scopus. Pangkalan data indeks Scopus pada dasarnya membekalkan maklumat bibliometrik tentang prestasi semua produk yang diterbitkan dan diindeks dalam pangkalan data tersebut di serata dunia.

Dalam kajian bibliometrik, kaedah carian menggunakan kata kunci yang tepat adalah sangat penting untuk memastikan setiap data berkaitan penyelidikan yang dikaji dapat dikesan sepenuhnya. Sehubungan itu, dalam kajian ini pengesanan makalah berbahasa Melayu dijalankan berdasarkan benchmarking '*malay language*' dan tempoh carian dibataskan dari tahun 2013 sehingga 2018. Setelah data dimuat turun, pengelasan data dan analisis dijalankan mengikut objektif yang telah ditetapkan iaitu, pola penerbitan makalah berbahasa Melayu dengan melihat kepada bilangan penerbitan makalah berbahasa Melayu, prestasi institusi pengajian tinggi dan bidang penerbitan yang menerbitkan makalah berbahasa Melayu Scopus dan juga prestasi makalah berbahasa Melayu dalam Scopus melalui jumlah petikan sitasi dan h-Indeks.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN


POLA PENERBITAN MAKALAH BERBAHASA MELAYU

Dapatan analisis pola penerbitan makalah berbahasa Melayu dalam Scopus memperlihatkan dari aspek pola bilangan penerbitan, dalam tempoh lima tahun (2013-2018) sebanyak 803 makalah berbahasa Melayu telah diterbitkan dalam pelbagai jurnal dan diindeks dalam Scopus. Jumlah ini menunjukkan peningkatan yang ketara, iaitu dalam tempoh lima tahun, Scopus mengindeks sebanyak 803 makalah berbanding dengan jumlah keseluruhan makalah berbahasa Melayu yang diindeks Scopus, iaitu 1063 makalah. Selain itu, walaupun bilangan makalah berbahasa Melayu yang diindeks Scopus menunjukkan sedikit penurunan pada tahun 2013 sehingga tahun 2016, jumlah ini kembali meningkat pada tahun 2018, iaitu sebanyak 160 makalah yang diindeks dalam tempoh setahun. Jadual 1 memperlihatkan jumlah penerbitan makalah berbahasa Melayu dalam Scopus bagi 2013-2018 dalam bentuk jadual, manakala Rajah 1 memaparkan statistik penerbitan makalah berbahasa Melayu dalam Scopus dalam tempoh lima tahun.




Jadual 1: Penerbitan makalah berbahasa Melayu dalam Sopus 2013-2018

Tahun ↓	Dokumen
2018	160
2017	120
2016	122
2015	120
2014	137
2013	148



Rajah 1: Statistik Penerbitan makalah berbahasa Melayu dalam Scopus

Analisis dari aspek pola prestasi institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia yang menerbitkan makalah berbahasa Melayu dalam Scopus menunjukkan bahawa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) merupakan antara IPT yang terlibat aktif dalam usaha menggalakkan penerbitan makalah berbahasa Melayu, iaitu dalam tempoh lima tahun (2013-2018) sebanyak 503 makalah telah diterbitkan dan diindeks Scopus. Bilangan ini ketara lebih tinggi jika dibandingkan dengan Universiti Malaya (UM) yang menerbitkan 57 makalah, Universiti Teknologi MARA (UiTM) 47 makalah, dan Universiti Putra Malaysia (UPM) (43). Rajah 2 menunjukkan bilangan sepuluh IPT tertinggi yang menerbitkan makalah berbahasa Melayu yang diindeks Scopus.



Rajah 2. Prestasi IPT yang menerbitkan makalah berbahasa Melayu

Analisis pola penerbitan mengikut bidang pula mendapati makalah berbahasa Melayu banyak diterbitkan dalam bidang Sains Sosial, iaitu sebanyak 301 makalah (31.1%), multi disiplin 186 makalah (19.2%), Sastera dan kemanusiaan 157 makalah (16.2%), kejuruteraan 100 makalah (10.3%), Kimia 89 makalah (9.2%), ekonomi 61 makalah (6.3%), pengurusan, perniagaan dan perakaunan 48 makalah (5.0%), pertanian dan sains biologi 11 makalah (1.1%), Earth and Planetary Sciences, 9 makalah (0.9%), matematik 2 makalah (0.2%), dan bidang lain-lain (0.3%). Dapatan kajian ini membuktikan bahawa penerbitan makalah berbahasa Melayu dalam Scopus mencakupi semua disiplin ilmu dan tidak terhad kepada bidang sains sosial semata-mata tetapi merentasi juga bidang sains dan teknologi. Dapatan kajian ini juga membuktikan sifat bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa saintifik yang boleh digunakan dalam penerbitan makalah jurnal merentasi pelbagai bidang dan disiplin ilmu. Maklumat lanjut berkenaan huraian ini dapat dilihat melalui Rajah 3.




Rajah 3. Penerbitan makalah berbahasa Melayu mengikut bidang

Analisis prestasi penerbitan makalah berbahasa Melayu dalam Scopus dikaji melalui jumlah petikan sitasi bagi setiap makalah. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa jumlah petikan sitasi bagi makalah berbahasa Melayu dalam Scopus semakin meningkat bagi tempoh 5 tahun tersebut, iaitu pada tahun 2013 (3 petikan sitasi), 2014 (27 petikan), 2015 (74 petikan), 2016 (115 petikan), 2017 (205 petikan) dan seterusnya pada tahun 2018 meningkat menjadi 294 petikan sitasi. Rajah 4 memaparkan

peningkatan jumlah petikan sitasi makalah berbahasa Melayu, manakala Jadual 2 memperlihatkan jumlah bilangan petikan sitasi makalah dalam bentuk jadual. Peningkatan dari aspek bilangan petikan sitasi ini menunjukkan satu petanda yang positif terhadap perkembangan penerbitan makalah berbahasa Melayu dalam Scopus mahupun dalam pangkalan data indeks yang lain. Semakin tinggi petikan sitasi terhadap makalah yang diterbitkan dalam bahasa Melayu, semakin luas perkembangan dan perkongsian ilmu dalam bidang tertentu yang menggunakan bahasa Melayu.


Jadual 2 Jumlah bilangan petikan sitasi makalah

Tahun	Jumlah Petikan Sitasi
2018	294
2017	205
2016	115
2015	74
2014	27
2013	6



Rajah 4. Petikan Sitasi Makalah Berbahasa Melayu.

Seterusnya dari aspek h-indeks makalah berbahasa Melayu dalam Scopus turut memperlihatkan peningkatan yang positif. Bilangan h-indeks makalah berbahasa Melayu seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5 memperlihatkan bahawa sekurang-kurangnya lapan makalah yang dipetik sebanyak 8 kali yang memberikan nilai h-indeks yang semakin tinggi kepada makalah tersebut, petikan makalah ini turut memberi kesan terhadap h-indeks jurnal yang menerbitkan makalah berbahasa Melayu dalam Scopus. Boleh dikatakan bahawa peningkatan dari aspek jumlah h-indeks makalah berbahasa Melayu ini memberi petanda positif penerimaan sarjana terhadap penerbitan berbahasa Melayu itu sendiri di peringkat antarabangsa.



Rajah 5. H-Indeks makalah berbahasa Melayu dalam Scopus.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, tidak dinafikan bahawa peluasan dan penguasaan bahasa Inggeris di peringkat antarabangsa didorong oleh keperluan untuk berkongsi maklumat hasil daripada kemajuan dalam bidang teknologi maklumat. Walau bagaimanapun, fenomena ini tidak bermaksud meniadakan kepentingan bahasa Melayu untuk dimartabatkan dalam di peringkat antarabangsa. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa bahasa Melayu juga berkembang seiring dengan kemajuan dalam bidang sains dan teknologi. Pencapaian penerbitan makalah berbahasa Melayu yang diindeks oleh Scopus yang dapat dibuktikan melalui kaedah bibliometrik ini mengukuhkan dakwaan bahawa bahasa Melayu sememangnya merupakan bahasa saintifik yang boleh digunakan dalam segala bidang. Sehubungan itu, masyarakat pengguna bahasa Melayu, khususnya sarjana dan juga institusi yang terlibat dalam industri penerbitan di negara ini perlu jelas tentang peranan penguasaan dan penggunaan bahasa Melayu. Keberkesanan untuk melaksanakan penggunaan bahasa Melayu di dalam industri penerbitan maya ini hanya terletak di bahu masyarakat bahasanya, malahan inilah masanya untuk sarjana bahasa Melayu menempa nama di persada antarabangsa dengan menggunakan kemudahan teknologi yang ada untuk di seluruh pelosok dunia.

Perkembangan globalisasi dan liberisasi hendaklah dilihat sebagai satu peluang untuk memastikan bahasa Melayu terus kekal disanjung oleh bangsa Melayu serta masyarakat bukan Melayu dengan memanipulasikan perkembangan teknologi sepenuhnya. Penguasaan bahasa asing tidak seharusnya melunturkan kepentingan bahasa Melayu itu sendiri. Oleh itu, segenap sudut dan ruang yang sempit perlu dilebarkan agar bahasa Melayu mempunyai nilai yang simbolik dan tidak luput dek hujan, tidak lekang dek panas. Para sarjana dan pihak kerajaan perlu mencari jalan dalam menambah nilai bahasa di pasaran dunia. Ini merupakan satu tugas berat bagi para sarjana dalam bidang bahasa, khususnya untuk terus berusaha mencari jalan, kaedah serta hipotesis meningkatkan nilai bahasa Melayu di persada antarabangsa.

RUJUKAN

- Abu Bakar Maidin, Shahrudin Shafri, & Shamsudin Ibrahim. (2009). Perkembangan dan kemajuan penerbitan jurnal Malaysia: Strategi ke persada antarabangsa. Dlm. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Penerbitan Ilmiah*, Pacific Ballroom, Hotel Seri Pacific. (tidak diterbitkan).
- Yusof, A. (2011). Perluasan Makna Perkataan Bahasa Melayu Berasaskan Korpus Digital. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 2, 47-70. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1087>
- Altbach, P. G. (2012). The globalization of college and university rankings. *Change: The Magazine of Higher Learning*, 44(1), 26–31. doi: 10.1080/00091383.2012.636001
- Bastedo, M. N., & Bowman, N. A. (2011). College rankings as an interorganizational dependency: Establishing the foundation for strategic and institutional accounts. *Research in Higher Education*, 52(1), 3–23. doi:10.1007/s11162-010-9185-0
- Bontis, N., & Serenko, A. (2009). A follow-up ranking of academic journals. *Journal of Knowledge Management*. 13(1), 16-26. doi: 10.1108 /136732 709 109 31134
- Coe, R., & Weinstock, I. (1984). Evaluating the management journals: A second look. *Academy of Management Journal*, 27(3), 660-666.
- Extejt, M., & Smith, J. E. (1990). The behavioral sciences and management: An evaluation of relevant journals. *Journal of Management*, 16, 539-551.
- Fraenkel, N. E., & Wallen, J. R. (2006). *How to design & evaluate research in education* (6th ed.). New York: McGraw-Hill Companies Inc.
- Harter, S. P. (1996). The impact of electronic journals on scholarly communication: A citation analysis. *The Public-Access Computer System Review*, 7(5).
- Hazelkorn, E. (2014). Reflections on a decade of global rankings: What we've learned and outstanding issues. *European Journal of Education*, 49(1), 12–28. doi: 10.1111/ejed.12059
- Hertz, D.H. (2003), "Bibliometrics history" dalam Drake, Miriam A. (ed) *Encyclopaedia of Library and Information Science*, 1, New York : Marcel Dekker, 2003, h. 288-328.
- Hou, Y., & Jacob, W. J. (2017). What contributes more to the ranking of higher education institutions? A comparison of three world university rankings. *The International Education Journal: Comparative Perspectives*, 16(4), 29-46. Dicapai daripada <https://openjournals.library.sydney.edu.au/index.php/IEJ>
- Huang, M. H. (2011). A comparison of three major academic rankings for world universities: From a research evaluation perspective. *Journal of Library and Information Studies*, 9(1), 1-25.
- Khadher Ahmad, Mohd Yakub@ Zulkifli Mohd Yusoff, Monika@Munirah Abd Razzak, Mohd Asmadi Yakob, Nurulwhidah Fauzi, Khalijah Awang, Rozana Othman, Mohd Farha Md. Ariffin. (2016). Kajian bibliometric terhadap bahan penerbitan penyelidikan berkaitan delima: Ke arah penyelidikan terkini dalam bidang pengajian Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. 12 (Julai) ms 1-31.
- Koh, A. P. (2014). *UMExpert dan pengurusan penerbitan*. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Keusahawanan: Memperkasakan Inisiatif Khidmat Maklumat Sehati. Dicapai daripada <http://www.cais.unimas.my /media/media/pkma/Seminar /Seminar2014/S2P4.pdf>
- Mazmin Mat Akhir, & Md Nizam Azid. (2010). *Penerbitan berimpak: Pencapaian & strategi*. Perlis: Universiti Malaysia Perlis.
- Md Sidin Ahmad Ishak. (1997). Penerbitan jurnal ilmiah di Malaysia. Dlm Md Sidin Ahmad Ishak (Ed.) *Prosiding MAPIM 1: Penerbitan jurnal ilmiah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Mohd. Zubir, S. K. (2011). Bahasa Melayu dan Sastera Mempunyai Hubungan Simbiosis dalam Membina Jati Diri Generasi Moden. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 2, 86-98. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1108>
- Monther, M. Elaish, Nor Liyana Mohd Shuib, Norjihan Abdul Ghani, Ghulam Muftaba Shaikh, Nader Ale Ebrahim. (2019) *A bibliometric analysis of m-learning from topic inception to 2015. International Journal of Mobile Learning and Organisation*, 13 (1). pp. 91-112. <https://doi.org/10.1504/IJMLLO.2019.096470>
- Nisonger, T. E. (2004). Citation autobiography: An investigation of ISI database coverage in determining author citedness, *College and Research Libraries*, 65(2), 152-63.
- Norazian Sharuddin, Md. Razib Karno & Yahya Buntat (2016). Analisa penerbitan ilmiah malaysia dalam bidang pengajian islam yang diindeks di scopus dari tahun 2010 – 2015 *Regional Islamic Libraries Seminar 2016 (RELieS)*
- Pitchard, A., "Statistical bibliography or bibliometrics?" dalam *Journal of Documentation*, Vol. 25(4), 1969, h.348-349.
- Roosfa Hashim, & Salmah Zainal Abidin. (2009). Strategi peningkatan mutu jurnal Universiti Kebangsaan Malaysia ke arah memantapkan kedudukannya dalam SCOPUS. Dlm *Prosiding Pengantarabangsaan Penerbitan Ilmiah Malaysia*, 18-19 April, Hotel Pan Pacific, Kuala Lumpur.
- Roosfa Hashim. (2010). *Pembangunan jurnal ilmiah Malaysia, 1847-2007*. (Disertasi doktor falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Rosiah Hamzah. (2011). Trend penerbitan penyelidikan dalam *Journal of Tropical Agricultural and Food Science. Economic and Technology Management Review*, 6, 93-104.
- Selina Khoo, Chunxiao Li, & Payam Ansari (2018). The top 50 most cited publications in disability sport: A bibliometric analysis. *Perceptual and Motor Skills*, 125 (3), <https://doi.org/10.1177/0031512518760350>
- Sharplin, A. D., & Mabry, R. H. (1985). The relative importance of journal used in management research: An alternative ranking. *Human Relations*, 38, 139-148.
- Sowter, B. (2007). *THES-QS world university rankings: Symposium on international trends in university rankings and classifications*. Griffith University, Brisbane. Dicapai daripada <http://www.giffth.edu.au/conference/university-ranking/>
- Stahl, M. J., Leap, T. L., & Wei, Z. (1988). The publication in leading management journals as a measure of institutional research productivity. *Academy of Management Journal*. 31, 707-720.
- Sulistyo Basuki, Bibliometrics, Scientometrics dan Informetrics. Kumpulan Makalah Kursus Bibliometrik. Depok: Pusat Studi Jepang, 2002, h.13-15.
- Tiew, W. S. (1998). History of Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS) 1878-1997: An overview. *Malaysian Journal of Library & Information Science*, 3(1), 43-60.
- Tiew, W. S. (1999). *Some scholarly English periodicals in pre-independent Malaysia: An historical overview*. *Malaysian Journal of Library & Information Science*, 4(1), 27-40.
- Yeong, J. C., & Tan, B. (2009). *James Richardson Logan*. Dicapai daripada http://eresources.nlb.gov.sg/infopedia/articles/SIP_1146_2009-10-27.html
- Zainab Awang Ngah. (2008). *Internationalization of Malaysian journals*. Kertas kerja dibentangkan dalam Workshop on Managing Scholarly Journal, Langkawi.